

KEMPEN JUALAN AKHIR TAHUN MALAYSIA 2025 KEMBALI MENYEMARAKKAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

PUTRAJAYA, 24 NOVEMBER 2025 – Selari dengan hasrat untuk menawarkan pengalaman hebat kepada pelawat semasa berbelanja dan berkunjung ke Malaysia, Kempen Jualan Akhir Tahun Malaysia 2025 kini kembali dengan lebih 100 tawaran dan aktiviti menarik di seluruh negara melibatkan diskaun hebat sehingga 70% di pusat beli-belah serta gedung runcit terpilih di samping program jualan tengah malam dan hadiah cabutan bertuah.

Berlangsung dari 15 November 2025 hingga 1 Januari 2026, pelawat antarabangsa dan domestik bukan sahaja berpeluang mendapatkan pakej penginapan istimewa, malah menikmati promosi eksklusif di taman tema, urutan spa serta makanan dan minuman (F&B). Menariknya, lebih 70 promosi percutian ditawarkan oleh hotel-hotel yang mengambil bahagian di seluruh negara dengan tawaran harga bilik bermula serendah RM99 selain penawaran pakej kembara warisan Malaysia.

Selain itu, pelawat yang menempah tiket Malaysia Airlines untuk penerbangan dari beberapa destinasi seperti Australia, New Zealand, Great Britain, Hong Kong, India, Jepun, Korea, Taiwan, Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam dan Perancis ke Malaysia, turut berpeluang menikmati diskaun sehingga 30% melalui tempahan dalam talian di platform Trip.com, Expedia, Agoda dan Traveloka.

Antara sorotan utama kempen jualan nasional ini pada penghujung tahun 2025 adalah seperti berikut:

1. AEON Mall bakal menganjurkan Black Friday Midnight Sale di 5 cawangan terpilih iaitu di AEON Mall Cheras Selatan, AEON Mall Tebrau City, AEON Mall Bukit Mertajam, AEON Mall Ipoh Station 18 dan AEON Mall Kuching Central dari 28 hingga 30 November 2025. Pelbagai aktiviti akan dianjurkan seperti

persembahan kebudayaan, Durian Fest, Black Sport Day, Pickleball Tournament, Black Friday Night Run dan Havoc Food Fair sekali gus memberikan nilai tambah kepada pengalaman beli-belah. Kemeriahan ini akan diteruskan di AEON Mall Kota Bharu pada 30 Disember 2025.

2. Mitsui Outlet Park KLIA Sepang bakal menganjurkan Black Friday Late Night Sale pada 28 dan 29 November 2025 dengan waktu operasi akan dilanjutkan sehingga jam 12.00 tengah malam. Sepanjang dua hari promosi berlangsung, pelawat berpeluang mendapatkan pelbagai tawaran menarik seperti baucar eksklusif Black Friday, promosi Happy Hour Specials dan cabutan bertuah.
3. 1 Utama Shopping Centre turut tidak ketinggalan dalam acara Black Friday Sale pada 28 hingga 30 November 2025 dengan pemanjangan waktu operasi sehingga jam 11.00 malam pada 28 November 2025. Pengunjung yang berbelanja antara jam 9.00 malam hingga 11.00 malam berpeluang menerima cenderamata eksklusif.
4. Sunway Velocity Mall dan Sunway Big Box Retail Park akan menghangatkan sambutan Tahun Baharu 2026 pada 31 Disember 2025 dengan pelbagai persembahan dan aktiviti menarik di samping melanjutkan waktu operasi sehingga jam 1 pagi dengan pertunjukan bunga api dan konsert mini melibatkan persembahan artis tanah air dan antarabangsa bagi meraikan detik-detik sambutan tahun baharu dalam suasana penuh kemeriahan.

Dengan sokongan penuh daripada Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM), Persatuan Peniaga Runcit Malaysia (MRA), Persatuan Rantaian Peruncitan Malaysia (MRCA), Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Taman Tema & Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MATFA) dan Malaysia Aviation Group (MAG), kempen ini memperkukuhkan lagi peranan Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) melalui pengalaman beli-belah dan percutian yang menakjubkan kepada pelawat tempatan dan antarabangsa.

Untuk senarai penuh tawaran dan aktiviti, lawati laman web Tourism Malaysia di www.malaysia.travel/explore/national-sales-campaign.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 bakal meraikan kelestarian industri pelancongan negara seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Selain itu, Tourism Malaysia turut menyokong Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke arah merealisasikan Tahun Melawat IMT-GT 2023-2025 bagi mempromosikan wilayah serantau sebagai destinasi pelancongan tunggal. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Masrina Mohd Bakri Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Pakej masrina@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8544	Norshariza Mohd Saad Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat norshariza@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8775
---	---